Vicks VapoDrops Orange Menthol Lozenges 7mg

Menthol 7mg

Baca keseluruhan Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP) ini dengan teliti sebelum anda mula mengambil ubat ini kerana ia mengandungi maklumat penting untuk anda.
Ambil ubat ini dengan tepat pada setiap masa sebagaimana huraian dalam risalah ini atau sebagaimana nasihat doktor atau ahli farmasi kepada anda.

- Simpan risalah ini. Anda mungkin perlu membacanya lagi.
- Tanya ahli farmasi anda jika anda memerlukan lebih banyak maklumat atau nasihat.
- Jika anda mendapat apa-apa kesan sampingan, bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Ini termasuk mana-mana kemungkinan kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini.
- Anda hendaklah menghubungi doktor jika simptom anda bertambah teruk atau tidak bertambah baik.

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah tujuan penggunaan Vicks VapoDrops Orange Menthol Lozenges?
2. Bagaimana Vicks VapoDrops Orange Menthol Lozenges bertindak?
3. Sebelum menggunakan Vicks VapoDrops Orange Menthol Lozenges?
4. Cara menggunakan Vicks VapoDrops Orange Menthol Lozenges?
5. Semasa anda menggunakan Vicks VapoDrops Orange Menthol Lozenges
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Vicks VapoDrops Orange Menthol Lozenges
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Vicks VapoDrops Orange Menthol Lozenges?

Ia digunakan sebagai kelegaan simptomatik untuk batuk, hidung tersumbat dan sakit tekak.

Bagaimana Vicks VapoDrops Orange Menthol Lozenges berfungsi?

Formulasi mengandungi menthol yang dilepaskan serta-merta apabila lozeng diletakkan di dalam mulut. Ia mempunyai tindakan antitusif, melegakan rasa kongesi dan sakit tekak.

Sebelum menggunakan Vicks VapoDrops Orange Menthol Lozenges
- Bilakah anda tidak boleh menggunakannya?

Jangan ambil Vicks VapoDrops Orange Menthol Lozenges jika anda mempunyai alahan yang diketahui terhadap mana-mana komponen ubat ini.

- Sebelum mula menggunakan Vicks VapoDrops Orange Menthol Lozenges

Baca arahan dengan teliti sebelum menggunakannya. Jika anda hamil, merancang untuk hamil atau menyusukan bayi, minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil apa-apa ubat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Vicks VapoDrops Orange Menthol Lozenges selamat digunakan dengan ubat lain yang bertujuan untuk kelegaan simptomatik daripada selsema & flu.

Cara menggunakan Vicks VapoDrops Orange Menthol Lozenges?
- Berapakah banyak harus digunakan?

Orang Dewasa dan Kanak-kanak berusia lebih daripada 6 tahun:

Larutkan 1 lozeng di dalam mulut anda setiap 2 jam sebagaimana diperlukan. Kanak-kanak berusia 2-6 tahun: 1 lozeng setiap 2 jam dengan pengawasan ibu bapa.

- Bila perlu digunakan?

Penggunaan simptomatik untuk batuk, hidung tersumbat dan sakit tekak. Larutkan satu lozeng dengan perlahan setiap dua jam sebagaimana diperlukan.

- Berapa lama perlu digunakan?

Larutkan satu lozeng dengan perlahan setiap dua jam sebagaimana diperlukan. Jika simptom berlarutan lebih daripada 3 hari dan/atau meningkat walaupun telah dirawat, jumpa doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Larutkan satu lozeng dengan perlahan sebaik sahaja anda teringat.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika dos berlebihan, dapatkan bantuan perubatan.

Semasa menggunakan Vicks VapoDrops Honey Lemon Menthol

- Perkara yang perlu dilakukan

Anda perlu mengambil ubat anda sebagaimana yang tertera dalam arahan dos.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil Vicks VapoDrops Orange Menthol Lozenges jika anda mempunyai alahan yang diketahui terhadap mana-mana komponen ubat ini.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Ambil perhatian bahawa kanak-kanak yang lebih muda boleh tercekik lozeng. Kanak-kanak berusia 2-6 tahun: 1 lozeng setiap 2 jam dengan pengawasan ibu bapa.

Tidak boleh diambil oleh kanak-kanak berusia bawah 2 tahun tanpa nasihat perubatan.

Kesan sampingan

Tiada kesan sampingan diketahui untuk Vicks VapoDrops Orange Menthol Lozenges. Jangan ambil Vicks VapoDrops Orange Menthol Lozenges jika anda mempunyai alahan yang diketahui terhadap mana-mana komponen ubat ini. Untuk maklumat lanjut, sila jumpa doktor anda.

Anda boleh melaporkan apa-apa kesan sampingan atau reaksi ubat advers secara langsung kepada Pusat Pemantauan Kesan Ubat Advers Kebangsaan melalui nombor telefon 03-78835490, atau mengunjungi laman web npra.gov.my (Consumers -> Reporting Side Effects to Medicines [ConSERF] or Vaccines [AEFI]).

Cara penyimpanan dan pelupusan Vicks VapoDrops Orange Menthol Lozenges

- Cara penyimpanan

Simpan pada suhu yang tidak melebihi 30^0C di tempat kering. Letakkan jauh daripada capaian kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air sisa atau sampah-sarap rumah. Rujuk kepada ahli farmasi anda tentang bagaimana untuk membuang ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan.

Maklumat Lanjut

-Rupa dan warna produk ini

Lozeng bulat berwarna oren yang mengandungi perasa oren dengan rasa manis.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan Aktif:
Menthol

Eksipien
Glycyrrhiza glabra (Liquorice), Zingiber officinale (Ginger), Phyllanthus emblica (Indian gooseberry), Sucrose, Liquid Glucose, Purified water, Glycerine (Refined), Citric Acid Monohydrate, Methyl Hydroxybenzoate (Methyl Paraben), Propyl Hydroxybenzoate (Propyl Paraben), Colour sunset yellow, Orange menthol flavour, Essence mintol

- Nombor MAL Akan
ditentukan

Pengilang
Unique Pharmaceutical Laboratories
(A Division of J.B. Chemicals & Pharmaceuticals Ltd.) Survey No. 101/2 & 102/1, Daman Industrial Estate, Airport Road, Village Kadaiya Daman-396 210, India

Pemegang Pendaftaran Produk
Procter & Gamble (Malaysia) Sdn.Bhd.,
10th Floor, Surian Tower, 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara, 47810 Petaling Jaya Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP
15/03/2019

Nombor Siri
NPRA(R2)19/29